

# USIM nikmati projek khas jalur lebar IPTA

SEREMBAN 14 Mei - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) khususnya para pelajarnya akan menikmati capaian internet yang lebih pantas melalui projek khas pembangunan jalur lebar institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Naib Canselornya, Datuk Dr. Asma Ismail berkata, projek hasil inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi itu menyasarkan untuk menaik taraf dan melengkapkan kemudahan jalur lebar IPTA kepada minimum 1 gigabite per saat (gbps) secara berperingkat-peringkat.

Beliau berkata, USIM telah dipilih untuk menjadi IPTA perintis kepada usaha tersebut.

“Apabila jalur lebar internet USIM ditingkatkan kepada 1gbps, USIM boleh merancang untuk menggunakan teknologi *Cloud Computing* bagi beberapa perkhidmatan bersesuaian seperti Portal ePembelajaran GOALS, Portal Permohonan Perjawatan Eiris, Portal Berita, WebTV USIM Online dan Portal iFMS INFAD,” katanya ketika melancarkan perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) USIM 2013 di sini baru-baru ini.

Menurutnya, penyediaan infrastruktur ICT yang lengkap dan terkini amat penting bagi membolehkan sebuah jentera pentadbiran serta pengajaran dan pembelajaran (P&P) bergerak pantas dan berkesan.

Tambahnya, USIM telah memberikan perhatian yang serius terha-



ASMA Ismail (lima dari kanan) bersama para penerima komputer riba selepas melancarkan perkhidmatan ICT USIM 2013 di Seremban, baru-baru ini.

dap perkara itu sejak awal penubuhannya.

“Sebagai sebuah universiti yang kini mempunyai 1,352 orang kakitangan dan 9,779 orang pelajar de-

ngan tawaran 68 program pengajian dan perkhidmatan, ICT merupakan *enabler* dalam sistem penyampaian USIM,” katanya.

Pada majlis itu, Asma telah me-

lancarkan enam produk perkhidmatan ICT USIM iaitu portal rasmi USIM, portal eStudent, portal eStaf, peningkatan jalur lebar internet 120 megabite per saat (mbps), naik taraf *server* dan

storan sistem maklumat universiti. Beliau turut menyampaikan 391 set *notebook* berserta pencetak laser kepada setiap ahli akademik USIM. Peruntukan khas oleh penguru-

san universiti untuk pemberian alatan itu bertujuan memudahkan mereka menjalankan kerja-kerja penyediaan bahan pengajaran dan penyelidikan masing-masing.